

12/05/2001

Castro anggap Malaysia paling berani hadapi Barat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden Cuba, Fidel Castro hari ini menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang paling berani di Asia Tenggara, menentang kuasa besar yang cuba menekan ekonomi negara-negara membangun.

Castro berkata, beliau memandang tinggi sikap berani Malaysia yang tidak mudah tunduk kepada kuasa besar, terutama dalam melindungi kestabilan ekonomi negara.

"Lihat saja apabila rantau ini diserang kegawatan ekonomi pada tahun 1997. Banyak negara yang mengambil pinjaman Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan kita tahu apa yang terjadi kepada mereka. Institusi kewangan dan banyak syarikat mereka dibeli syarikat asing.

"Namun, bagi Malaysia yang menolak tabung kewangan itu, kita lihat negara ini mampu menguruskan ekonominya dengan baik. Ini adalah sebuah negara yang sangat rasional," katanya ketika memberi syarahan umum mengenai globalisasi dan situasi antarabangsa anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini, hari ini.

Castro yang tiba di sini semalam, diberikan sambutan penuh istiadat di Medan Parlimen pagi tadi. Ketibaan beliau di Medan Parlimen disambut Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lawatan Castro itu dibuat setahun selepas Persidangan Kemuncak Kumpulan 77 Negara Membangun (G-77) di Havana yang dihadiri oleh lebih 60 pemimpin, termasuk Dr Mahathir yang pertama kali melawat Cuba pada 1997.

Beliau yang turut memuji perkembangan ekonomi Malaysia sejak 15 tahun lalu berkata, negara-negara Amerika Latin perlu mengambil Malaysia sebagai satu contoh baik.

"Saya sangat gembira melihat keadaan di negara ini. Saya juga menghargai segala sumbangan Malaysia kepada negara-negara membangun. Semangat (berani) inilah yang diperlukan Amerika Latin," katanya.

Dalam syarahan selama tiga jam itu, Castro turut menyelar kesan globalisasi yang dianggap mewujudkan satu suasana kecoh, terutama kepada negara membangun.

Sementara itu, Malaysia dan Cuba akan terus berusaha mewujudkan satu suruhanjaya atau pusat yang dapat mengumpul semua pandangan negara-negara Selatan bagi memantapkan Kumpulan 77 negara membangun (G-77) sebagai badan yang dihormati antarabangsa.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata soal penubuhan suruhanjaya itu dibincangkan oleh Dr Mahathir dengan Castro dalam pertemuan sejam hari ini.

"Dr Mahathir dan Castro membincangkan perlunya ada satu kumpulan yang lebih kecil yang bertindak sebagai pusat penyelidikan supaya dapat membantu negara-negara Selatan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat perwakilan antara Malaysia dan Cuba di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Penubuhan suruhanjaya itu diputuskan ketika Sidang Kemuncak G-77 di Havana, tahun lalu. Malaysia dan Cuba adalah anggota kumpulan itu, sebuah badan yang dianggotai lebih dari 100 buah negara membangun dan negara dunia ketiga.

(END)